

SULIT



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2016/2017**

NAMA KURSUS : KESELAMATAN DAN KESIHATAN
PEKERJA
KOD KURSUS : BPV 20402
KOD PROGRAM : BBR
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2016 / JANUARI 2017
JANGKA MASA : 2 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT SOALAN SAHAJA

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **TIGA (3)** MUKA SURAT

SULIT

- S1** (a) Nyatakan nama penuh bagi organisasi-organisasi berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di bawah:
- (i) DOSH
 - (ii) SOCSO
 - (iii) NIOSH
- (3 markah)
- (b) Nyatakan lima (5) organisasi yang terlibat secara terus dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Malaysia dan jelaskan fungsinya.
- (10 markah)
- (c) Anda baru dilantik menjadi pegawai keselamatan dalam Syarikat Pembinaan Mawar Holding Sdn. Bhd. Anda bertanggungjawab dalam mentadbir urus hal-hal berkaitan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam syarikat tersebut. Bincangkan apakah tindakan-tindakan utama yang perlu anda laksanakan untuk memenuhi tanggungjawab ini.
- (12 markah)
- S2** (a) Apakah yang dimaksudkan dengan hazard, risiko dan bahaya.
- (3 markah)
- (b) Terangkan lima (5) kaedah bagi mengenalpasti hazard.
- (10 markah)
- (c) Lukiskan carta alir bagi proses pelaksanaan aktiviti HIRARC dan huraikan.
- (12 markah)
- S3** (a) Nyatakan tiga (3) jenis kecederaan parah menurut pengertian cedera parah di bawah seksyen 320 Kanun Keseksaan.
- (3 markah)
- (b) Nyatakan lima (5) jenis sifat bahaya bahan kimia dan terangkan setiap sifat tersebut.
- (10 markah)
- (c) Huraikan faktor-faktor berlakunya kecederaan di tempat pembinaan dan kaedah kawalan bagi mengelakkan kemalangan dan kecederaan daripada berlaku.
- (12 markah)
- S4** (a) Senaraikan empat (4) cara kemasukan bahan kimia ke dalam sistem tubuh manusia.
- (4 markah)
- (b) Nyatakan lima (5) contoh hazard ergonomik yang mungkin berlaku di tempat kerja dan terangkan.
- (10 markah)

TERBUKA

- (c) Industrial Hygiene merupakan satu isu yang sangat penting terutama di dalam sektor kilang pemprosesan makanan dalam mencapai standard *Good Manufacturing Practice (GMP)*. Jelaskan tanggungjawab dan peranan yang perlu dimainkan oleh majikan untuk menangani isu tersebut. (11 markah)
- S5** (a) Nyatakan tiga (3) jenis teori berkaitan punca kemalangan berlaku. (3 markah)
- (b) Terangkan lima (5) elemen dalam gabungan teori yang sering mencetuskan kemalangan. (10 markah)
- (c) Kemalangan sememangnya tidak dinafikan banyak memberi kesan negatif dan kerugian kepada mangsa dan organisasi. Namun, setiap kemalangan yang berlaku haruslah disiasat dan dilaporkan selari dengan kehendak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Malaysia bagi tujuan rekod, pemantauan dan sebagainya. Huraikan dengan jelas faktor keperluan dan kesan keuntungan siasatan dan pelaporan kemalangan kepada mangsa dan organisasi. (12 markah)

-SOALAN TAMAT-

TERBUKA